

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 11 DISEMBER 2007, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 27

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1143-L4248
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah banduan di dalam negara.
2. PN-1143-L4359
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan sejauh mana keberkesanan penyampaian maklumat berita menerusi stesen radio BERNAMA dikenali sebagai Radio 24 sejak dilancarkan pada September lalu.
3. PN-1143-L3945
Dato' Hajah Siti Rokiah binti Mohd Zabidin minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan terdapat kes-kes Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD) bertaraf JUSA yang sepatutnya bersara wajib tetapi dilanjutkan perkhidmatannya kerana perkhidmatannya amat diperlukan. Adakah Kerajaan bercadang berbuat perkara yang sama kepada Pengetua atau Guru-guru bertaraf JUSA di sekolah menengah.
4. PN-1143-L3768
Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah bilangan rumah kos rendah yang telah dibina pada tahun ini di seluruh negara.
5. PN-1143-L3928
Dato' Yip Kum Fook minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian akan menambahbaikkan kemudahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang (LTAS) setelah Syarikat Penerbangan FireFly diberi hak untuk menjadikan LTAS sebagai hub operasinya bagi kawasan tengah.

6. PN-1143-L3716
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada peratusan penderma darah telah meningkat melalui kempen-kempen menggalakkan menderma darah di kalangan rakyat Malaysia dan sama ada terdapat golongan bangsa yang lebih cenderung menderma darah berbanding dengan yang lain dan sekiranya ada, apakah sebab ianya sedemikian.
7. PN-1143-L3891
Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan :-
 - (a) apakah usaha-usaha yang telah diambil bagi membantu rakyat Malaysia (wanita) yang telah ditahan di luar negara kerana dipergunakan untuk menyeludup dadah; dan
 - (b) berapa banyak kes seperti ini telah berlaku.
8. PN-1143-L4186
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah jenis program pembinaan akhlak dan pembangunan ekonomi belia telah dan akan dilaksanakan untuk memperkukuhkan kedudukan belia iaitu menjadikan belia ataupun Persatuan Belia lebih berdikari dari segi kewangan.
9. PN-1143-L4117
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh mana keberkesanan pencapaian akademik pelajar dan pembangunan infrastruktur yang telah dilakukan oleh Kerajaan terhadap Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan sehingga ini, berapa banyak Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Agama Negeri (SAN) khususnya di Kelantan dan Terengganu yang masih belum berdaftar di bawah program SABK.
10. PN-1143-L3845
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan berapakah kos yang dibelanjakan oleh Kerajaan untuk Program Angkasawan Negara dan adakah pihak swasta memberi sumbangan kewangan dalam program ini.
11. PN-1143-L4073
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan apakah rasionalnya memberikan peruntukan untuk perayaan 50 tahun Kemerdekaan kepada Ahli Parlimen Pembangkang sehingga menyebabkan parti-parti komponen Barisan Nasional terpaksa 'meminta sedekah' pula dengan mereka untuk menjalankan program.
12. PN-1143-L4344
Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah sekolah yang menjalankan sistem dua sesi pagi dan petang di seluruh negara.

13. PN-1143-L4442
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan agar Kementerian dapat membuat penyemakan semula atau penambahbaikan kurikulum di IPTA selaras dengan kehendak pasaran tenaga kerja terkini agar tiada lagi lambakan pengangguran graduan IPTA atau IPTS.
14. PN-1143-L4243
Dato' Gooi Hoe Hin minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Skim Pesakit Bayar Penuh (PBP) yang dijalankan di Hospital Selayang dan Hospital Putrajaya sejak Ogos 2006 dapat menemui objektif untuk mengekalkan pakar-pakar perubatan terus berkhidmat di hospital Kerajaan.
15. PN-1143-L4305
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah peranan yang dimainkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam pembangunan rumah PPR, yang boleh disifatkan sebagai 'rumah penyayang' kerana ia melambangkan sikap penyayang Kerajaan terhadap golongan yang memerlukannya.
16. PN-1143-L3785
Puan GK Loga Chitra minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi isu rakyat Malaysia yang tidak mempunyai surat beranak dan kad pengenalan walaupun dilahirkan di Malaysia.
17. PN-1143-L4011
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan aspek-aspek yang akan dititik beratkan dalam pembangunan insan dan pendidikan untuk memastikan penduduk luar bandar tidak ketinggalan dalam menikmati kemajuan negara serta merapatkan jurang pembangunan insan di luar bandar.
18. PN-1143-L4368
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak polis mempunyai strategi baru dan lebih berkesan untuk mencegah dan menangani masalah peningkatan jenayah kekerasan yang semakin serius.
19. PN-1143-L3958
Tuan Rawisandran a/l Narayanan minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
 - (a) setakat manakah perjanjian MAPA dan NUPW berjaya untuk mendapatkan gaji bulanan kepada pekerja-pekerja ladang yang dipersetujui pada tahun 2000; dan
 - (b) adakah semua pengusaha-pengusaha ladang terlibat dalam perjanjian ini, jika tidak apakah tindakan Kerajaan terhadap ladang yang tidak mengikuti perjanjian.

20. PN-1143-L4299
Datuk Latiff bin Datuk Thamby Chik minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pihak Kementerian tidak bercadang untuk mengkaji semula pemberian pampasan terhadap mangsa bencana banjir dan banjir kilat di seluruh negara di mana setiap kali mereka ini berhadapan dengan situasi tersebut banyak kerosakan harta benda berlaku dan secara tidak langsung bantuan tersebut boleh meringankan sedikit bebanan mereka.
21. PN-1143-L3963
Dato' Haji Idris bin Haji Buang minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah dasar dan strategi Kerajaan untuk memastikan pembelajaran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah benar-benar memperkasakan mereka untuk menjadi masyarakat global yang disegani dalam pelbagai bidang terutama sekali dalam bidang Sains, Teknologi, Matematik dan Perniagaan.
22. PN-1143-L3869
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan kesan dan langkah perluasan Program Homestay di seluruh negara termasuk perkampungan Orang Asli.
23. PN-1143-L4484
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kementerian yakin yang pertumbuhan ekonomi Malaysia dapat meningkat atau dipertahankan pada tahap yang sedia ada berhadapan dengan cabaran-cabaran yang menyerang terutama kenaikan harga minyak, krisis kewangan Amerika Syarikat, kebangkitan China dan India di mana pelaburan asing banyak beralih antaranya sebagai negara yang bergantung pada perdagangan luar di mana trend-trend ini tentunya mempunyai impak terhadap ekonomi negara.
24. PN-1143-L4032
Tuan Maijol bin Mahap minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan meraikan Hari Malaysia sempena penubuhan Malaysia pada 16 September setiap tahun.
25. PN-1143-L3700
Datuk Chew Vun Ming minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan pengiklanan melalui pesanan ringkas mudah alih semakin hari semakin banyak. Pengguna menerima pelbagai jenis iklan melalui SMS dan menyebabkan pengguna telefon mudah alih berasa terganggu dengan iklan-iklan ini. Pihak syarikat mudah alih telah mengeksploitasi pengguna talian mudah alih dan cuba mengaut keuntungan daripada keadaan ini. Apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan di dalam mengatasi masalah ini.

26. PN-1143-L4156
Tuan Ahmad bin Hussin minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah insentif yang disediakan bagi menarik lebih ramai pesakit dari luar negeri mendapat rawatan di Malaysia.
27. PN-1143-L3793
Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapa buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil akan dibina dalam Rancangan Malaysia ke-9.
28. PN-1143-L3803
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah peruntukan serta bilangan rumah yang akan dibina di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) untuk tahun 2008.
29. PN-1143-L4054
Tuan Khoo Soo Seang minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada Kementerian akan meneruskan Latihan Guru Kursus Dalam Cuti (KDC) atau Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah (LPBS) sebagai salah satu cara mengatasi kekurangan guru di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil.
30. PN-1143-L4012
Tuan Maijol bin Mahap minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah keputusan siasatan yang dibuat oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) terhadap penyelewengan-penyelewengan yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2006.
31. PN-1143-L4103
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bagaimanakah Kementerian dapat memastikan bahawa pelajar universiti yang betul-betul cemerlang bukan sahaja pencapaian akademiknya tetapi dalam pembentukan individu yang boleh berfikiran matang dan berkemampuan dalam aspek kemahiran memimpin dan berkomunikasi.
32. PN-1143-L3835
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sejauh manakah berkesannya kursus yang ditawarkan oleh pihak tentera kepada anggota-anggota peringkat bawah/lain-lain pangkat yang telah tamat tempoh perkhidmatan yang kembali ke pangkuan masyarakat pada umur persaraan tentera setelah berkhidmat selama 21 tahun.
33. PN-1143-L3992
Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah program-program khas yang telah dirancang untuk membantu kaum India di negara ini; dan
 - (b) apakah tindakan Kerajaan untuk membantu kaum India dalam pembangunan Koridor Wilayah Ekonomi Utara, Selatan dan Pantai Timur.

34. PN-1143-L4466
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah perpustakaan yang ditubuhkan di sekolah-sekolah luar bandar sebagai program untuk meningkat dan menanamkan budaya membaca di kalangan kanak-kanak dan murid-murid sekolah terutama mereka di luar bandar.
35. PN-1143-L3741
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai perancangan bagi memperkenalkan tanaman jarak atau nama saintifiknya 'jatropha' yang mempunyai potensi sebagai bahan mentah bagi pengeluaran bio-diesel.
36. PN-1143-L4010
Tuan Chiw Tiang Chai minta **PERDANA MENTERI** menyatakan walaupun tanah air kita sudah hampir 50 tahun merdeka tetapi hakikatnya kita masih terperangkap dalam 'penjajahan rasuah' dan apakah tindakan sepadu pihak Kerajaan dalam usaha menegakkan 'demokrasi berakauntabiliti' serta bagaimana kejayaan Kerajaan setakat ini terutamanya dalam memantau hal ehwal perbelanjaan Kerajaan.
37. PN-1143-L4129
Tuan Ahmad bin Hussin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah aduan sebenar yang diterima sendiri bagi setiap Kementerian dan jumlah aduan yang diterima sendiri oleh Biro Pengaduan Awam (BPA) bagi tahun 2006 dan 2007.
38. PN-1143-L3826
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan bilangan rekrut baru pasukan polis tahun ini mengikut kaum dan selain daripada rekrut baru ini, apakah usaha-usaha pihak PDRM memerangi aktiviti-aktiviti jenayah yang semakin berleluasa.
39. PN-1143-L3883
Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) adakah Kementerian bersetuju dengan cadangan untuk meminda kembali pengajaran Sains dan Matematik ke dalam Bahasa Melayu; dan
 - (b) adakah elaun yang dibayar kepada guru-guru Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris ini akan diteruskan.
40. PN-1143-L3708
Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana perkembangan dan kejayaan Malaysia Venture Capital Management Berhad (MAVCAP) yang ditubuhkan pada tahun 2001 sebagai syarikat milik Kerajaan untuk menguruskan dana bernilai RM 1 bilion untuk pelaburan di syarikat-syarikat berteknologi tinggi berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi.

41. PN-1143-L4014
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan pembabitan para belia dan wanita di dalam bidang sukan untuk menyuburkan budaya sukan dan gaya hidup yang sihat di kalangan rakyat Malaysia kerana Kerajaan memerlukan rakyat yang cergas dan cerdas untuk berganding bahu dalam memajukan negara.
42. PN-1143-L4480
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kenapakah Kementerian tidak menggunakan agensinya seperti FAMA untuk menjadi pemborong membeli bahan-bahan keperluan asas seperti tepung, minyak masak dan gula agar ianya dapat membantu usahawan-usahawan kecil dalam menghadapi kemelut kenaikan harga barangan.
43. PN-1143-L4141
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) berapa banyakkah perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan ketika melancarkan Wilayah Pembangunan Iskandar (WPT) di Johor, Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) dan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dan sehingga kini, berapa banyak pelabur asing yang sudah menyatakan minat untuk melabur dalam ketiga-tiga projek pembangunan tersebut; dan
 - (b) apakah jaminan Kerajaan bahawa penyertaan Bumiputera tidak akan terpinggir dalam ketiga-tiga pelan pembangunan ekonomi tersebut khususnya di dalam sektor pendidikan.
44. PN-1143-L3916
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kenapakah usaha yang lebih serius melibatkan semua pelajar tidak dilakukan untuk memperkembangkan dan memartabatkan tulisan jawi dilakukan oleh Kementerian setakat ini.
45. PN-1143-L3843
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) berapakah kos yang ditanggung oleh Kerajaan bagi setiap orang 'Pendatang Asing Tanpa Izin' (PATI) semasa mereka dalam pusat tahanan sementara; dan
 - (b) berapa lama yang diambil untuk memproses dan menghantar mereka balik ke negara asal masing-masing.

46. PN-1143-L3813
Tuan Lee Chee Keong minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan atas usul badan-badan wanita iaitu hukuman 'Kasi' dikenakan kepada perogol-perogol yang disahkan bersalah di sisi undang-undang.
47. PN-1143-L4179
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sama ada Kerajaan ada menyediakan satu pelan induk pengangkutan awam untuk diguna pakai untuk semua Kerajaan Tempatan memandangkan lalu lintas semakin sesak dengan penambahan 500,000 buah kenderaan di atas jalan raya setiap tahun.
48. PN-1143-L4420
Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh mana Projek SchoolNet membantu pelajar sekolah terutama di luar bandar mengakses kemajuan negara menerusi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).
49. PN-1143-L4311
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian mengatasi masalah kecemerlangan guru dan profesion perguruan yang semakin dipandang rendah, termasuk gaji dan skim perkhidmatan, menyebabkan golongan muda tidak berminat dengan profesion perguruan sehingga dikhuatiri akan membawa kepincangan kepada rancangan Kerajaan dalam membentuk pelajar berkualiti.
50. PN-1143-L3940
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan kenapakah Kementerian masih membiarkan peraduan yang bercorak sms semakin berleluasa di media elektronik kini.
51. PN-1143-L4394
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan memandangkan masalah pemanasan global semakin lama semakin serius berlaku, adakah Kementerian akan melaksanakan "reforestation" dan apakah dasar Kerajaan mengenai perkara itu.
52. PN-1143-L4217
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan nama bank-bank tempatan dan jumlah peratus ekuitinya yang dimiliki oleh syarikat asing. Apakah polisi Bank Negara mengenainya.

53. PN-1143-L4452
Ir. Hiang A Li minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan seterusnya di dalam Program Angkasawan Negara memandangkan ianya telah berjaya buat masa ini dan apakah Kerajaan akan menghantar seorang lagi angkasawan negara ke angkasa lepas selepas ini dan siapakah pula yang akan menjadi rakan kongsi kita dalam hal ini.
54. PN-1143-L4261
Dato' Gooi Hoe Hin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sehingga masa kini berapa jumlah wang yang terdapat di Tabung Amanah Negara yang ditubuhkan sejak tahun 1998.
55. PN-1143-L4315
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil terhadap penghimpunan haram yang tidak menghormati SPB Yang di-Pertuan Agong dan undang-undang negara serta keharmonian sebuah negara Islam yang merdeka. Apakah penganjur haram ini akan ditahan di bawah Akta 27(5), Akta Polis 1967, kerana mengadakan perhimpunan haram.
56. PN-1143-L4223
Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah dan strategi yang akan diambil bagi memastikan Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) Johor, Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) dapat dinikmati bersama oleh rakyat tempatan secara langsung atau tidak langsung dalam perniagaan dan keuntungan.
57. PN-1143-L3938
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan selepas 50 tahun kemerdekaan apakah langkah-langkah terkini yang diambil oleh Kerajaan bagi menyuburkan nilai perpaduan dan silaturahim di kalangan pelbagai kaum agar generasi masa depan akan terus menikmati keamanan yang terjamin di negara kita dan ke arah pembinaan masyarakat Malaysia yang utuh.
58. PN-1143-L3860
Puan Mumtaz binti Md. Nawli minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah silibus pendidikan kepenggunaan kepada rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan dan sejauh manakah keberkesanannya dan bilangan agensi dan NGO yang terlibat.
59. PN-1143-L4095
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa tahun lagi sumber gas dan petroleum negara dapat mengeluarkan hasil dan apakah usaha Kerajaan untuk mencari sumber tenaga yang baru supaya negara tidak terlalu bergantung kepada sumber petroleum.

60. PN-1143-L4329
Dato' Ismail bin Kasim minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan di dalam membangunkan infrastruktur logistik yang lengkap di koridor pembangunan ekonomi baru, memandangkan ianya perlu dimantapkan untuk membolehkan hasil produk dari kawasan tersebut dibawa keluar dan diagihkan menerusi proses eksport dan sebagainya ke negeri lain dan luar negara.
61. PN-1143-L4074
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah kos yang terlibat bagi majlis pelancaran dan perasmian Wilayah Ekonomi di seluruh negara baru-baru ini.
62. PN-1143-L4434
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kafe @ Teen merupakan inisiatif LPPKN untuk membantu para remaja dalam lingkungan alam remaja dengan penuh keyakinan. Pusat Remaja ini telah didirikan di dua buah negeri iaitu Pulau Pinang dan Kuala Lumpur dan bilakah pusat tersebut akan didirikan di Sabah.
63. PN-1143-L4340
Dato' Azian bin Osman minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan tindakan yang telah dan akan diambil bagi membendung masalah Mat Rempit yang semakin berleluasa.
64. PN-1143-L4409
Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan program-program usahawan yang telah dilahirkan di bawah Syarikat-syarikat Milik Kerajaan (GLC), terutama bagi meningkatkan keupayaan dan kredibiliti syarikat dan individu Bumiputera.
65. PN-1143-L4276
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sungguhpun sering kali operasi demi operasi telah dijalankan untuk memantau penyeludupan mercun, tangkapan juga dibuat dan barangan disita namun tetap kelihatan kecelakaan berlaku akibat bermain mercun dan bunga api, apakah tindakan Kementerian bagi menguatkuasakan lagi sekatan, tangkapan dan hukuman terhadap mereka yang masih lagi berdegil ini.
66. PN-1143-L4370
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **PERDANA MENTERI** menyatakan projek-projek pembangunan khusus yang bakal dijalankan di Kelantan di bawah Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).
67. PN-1143-L3903
Puan Mumtaz binti Md. Nawī minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah yang dimaksudkan dengan "no fault liability scheme" dan apakah manfaat skim tersebut kepada rakyat dan apakah agensi yang akan bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaannya menjamin kebajikan mangsa kemalangan.

68. PN-1143-L3851
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah kajian telah dibuat mengenai bayaran elaun Tok Batin atau Ketua Kampung Orang Asli yang sekarang ini menerima elaun lebih rendah daripada bantuan yang diterima oleh Orang Kurang Upaya (OKU) dan Ketua Kampung di peringkat daerah.
69. PN-1143-L3823
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah dan usaha Kerajaan untuk memastikan keperluan dan permintaan tenaga mencukupi di seluruh negara yang dijangka meningkat terutamanya setelah pelancaran pembangunan wilayah ekonomi khususnya di Wilayah Ekonomi Pantai Timur, (ECER), NCER dan lain-lain.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 43/2007) Rang Undang-undang Perbekalan **Bacaan Kali
2008 Yang Kedua**

(Menteri Kewangan)

2. PN-1143-U4231

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar penggunaan istilah Bahasa Melayu dikekalkan dan tidak digantikan dengan istilah Bahasa Malaysia. Ini menepati dengan apa yang sudah termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan iaitu Bahasa Melayu adalah Bahasa Kebangsaan. Istilah Bahasa Melayu sudah lama digunakan, bahkan ia telah mengujudkan identiti dan perpaduan nasional di Malaysia".

(Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan)

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2007</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.165	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional (BSN) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	11 Disember 2007
ST.172	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	11 Disember 2007
ST.179	Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Kerajaan Republik Kazakhstan) P.U.(A) 228 bertarikh 28 Jun 2007	11 Disember 2007
ST.180	Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2007 P.U.(A) 234 bertarikh 2 Julai 2007	11 Disember 2007
ST.181	Perintah Duti Kastam (Barang-barang Di Bawah Program Early Harvest) (Perjanjian Perdagangan Bebas Antara Malaysia dan Republik Islam Pakistan) (Pindaan) 2007 P.U.(A) 257 bertarikh 26 Julai 2007	11 Disember 2007
ST.182	Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Negara Beraja Sepanyol) 2007 P.U.(A) 258 bertarikh 26 Julai 2007	11 Disember 2007
ST.183	Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negeri- Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.2) 2007 P.U.(A) 269 bertarikh 9 Ogos 2007	11 Disember 2007
ST.184	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.16) 2007 P.U.(A) 278 bertarikh 23 Ogos 2007	11 Disember 2007
ST.185	Perintah Duti Kastam (Pindaan) 2007 P.U.(A) 328 bertarikh 24 September 2007	11 Disember 2007

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2007</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.186	Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negeri- Negeri ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.3) 2007 P.U.(A) 329 bertarikh 24 September 2007	11 Disember 2007
ST.194	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	11 Disember 2007
ST.205	Akta Jalan Persekutuan 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No.4) 2007	11 Disember 2007
ST.206	Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Bosnia dan Herzegovina) 2007 P.U.(A) 341 bertarikh 4 Oktober 2007	11 Disember 2007